

Dari Sebulan ke Sebulan

Dalam bulan Februari yang lalu, di Indonesia, dua tamu agung telah tiba, satu dari Siam, satu lagi dari Soviet. Meriah sambutan yang diberi dan untuk sambutan itu orang-orang Indonesia dikatakan banyak belanja telah dibelanjakan. Di dalam pada itu peristiwa itu dilihat oleh rakyat yang hidupnya setiap hari melarat – kata seorang Indonesia. Begitulah – kalau saudara mau tau negeri saya Indonesia.

* * *

Di dalam berita-berita akhbar disebutkan bahawa Sukarno akan melawat lagi keluar negeri. Untuk lawatan ini telah disiapkan wang sebanyak 3, 000, 000 rupiah dengan tukaran rasmi ertinya hampir-hampir *semillion* Ringgit Malaya. Di sebalik itu, kita mendengar bagaimana kepayahan-kepayahan hidup di Indonesia sekarang. Seorang Indonesia tatkala ditanya - hanya berkata bahawa itulah pemimpin kami.

* * *

Orang Indonesia ini pula tatkala ditanya tentang urusan bagaimana caranya hendak keluar dari Indonesia - ia mengatakan bahawa untuk ia meminta izin hendak pergi keluar negeri buat satu orang telah diurus oleh seramai seratus orang pegawai. Menurut katanya, pada masa dahulu perkara ini hanya menghubungi lima enam orang pegawai sahaja. Kerana itu katanya jika tidak terasa benar keperluannya sulit hendak mengurus diri untuk berpergian keluar negeri. Cara-cara bekerja ini sebenarnya hanya dirumitkan sahaja – sedang hasilnya tidak ada. Beginilah saudara, katanya keadaan negeri saya.

* * *

Di dalam majlis Parlimen Persekutuan Tanah Melayu, telah disetujukan bahawa rumi adalah didahulukan daripada jawi

sebagai tulisan rasmi kerajaan. Ertinya kedua-duanya dipakai. Hal ini mustahak benar diperhatikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memerhatikan bahawa huruf jawi tidaklah dibuang sama sekali. Dengan itu orang-orang yang cinta kepada huruf jawi mengharap Dewan Bahasa membuka perhatiannya kepada huruf jawi kerana nampaknya buku-buku Dewan sekarang ditumpukan kepada rumi sahaja – hampir dikata tidak ada buku-buku huruf jawi. Semoga hal ini mendapat perhatian supaya jangan jawi tidak diberi makan yang dengannya harus tulis jawi “mati kelaparan”.

* * *

Di dalam minggu bahasa yang diadakan baharu-baharu ini maka ramai orang bercakap Melayu. Di sana sini terus menerus diucapkan selamat pagi, selamat petang dan selamat malam. Ucapan ini terdengar terus di antara orang-orang kita dengan orang-orang lain. Tetapi orang-orang kita sesama kita pula terus memakai perkataan itu dan kalau orang memberi salam dengan perkataan *al-salām* ‘*alaykum* terus seakan-akan diejek-ejek mereka. Orang-orang hairan apakah sekarang orang-orang seperti ini – yang mengejek salam agama itu boleh dicap orang yang bukan Islam? *Wallāhu ‘A’lam*.

* * *

Menurut Majalah Hang Tuah, Dr. Abdul Ra’of telah disoal mengenai beberapa perkara di antaranya mengenai hal-hal yang berkaitan dengan poligami (beristeri lebih daripada satu). Soal dan jawabnya seperti ini:

Soal: Adakah salah bagi seseorang Islam itu sekiranya ia tiada bersetuju dengan peraturan membenarkan poligami “beristeri banyak?”

Jawab: Pertama sekali menarik perhatian: Ialah bahawa timbulnya tanda tanya tentang poligami ini ialah kerana jalan fikiran kita ialah menurut fikiran orang-orang barat. Mungkin¹ kerana fikiran kita memang telah dicanai di dalam acuan itu.

Yang menarik perhatian lagi ialah sungguhpun aib sangatlah pada pandangan orang-orang barat tentang poligami, tetapi mereka tidak berasa canggung mempunyai beberapa banyak “isteri yang diluar nikah” selain daripada isterinya yang sah.

Tentang membenarkan poligami kadang-kadang memang terpaksa kerana didorong oleh faktor-faktor yang mendesak antaranya umpamanya:

1. Bilangan perempuan yang lebih banyak dari bilangan lelaki kerana perang dan lain-lain, sebagaimana yang berlaku di Eropah selepas perang dunia yang kedua.
2. Perempuan mandul, sakit dan lain-lain yang menjadikan lebih baik dimadukan daripada dicerai – iaitu untuk kebaikan perempuan sendiri.
3. Mungkin¹ pada umumnya “keinginan” lelaki lebih dari “keinginan” perempuan. Tentang membenarkan berpoligami itu rasanya tentulah lebih baik dari dilarang langsung kerana memandangkan kepada keadaan-keadaan yang menunkin¹ mendesak.

Tetapi yang perlu diperhatikan ialah bahawa kebenaran ini adalah disekat oleh syarat “saksama”. Kalau andainya orang ada menaruh sedikit sahaja kebimbangan yang dia tidak dapat saksama dengan dua-dua isterinya. Maka tidaklah ia dibolehkan beristeri dua. Saksama ini memanglah satu perkara yang payah boleh didapati terutama sekali sekiranya perkahwinan itu hanya didorong oleh nafsu semata-mata.

Saya memang mengaku tentang banyaknya orang-orang Islam yang melampaui batas-batas kebenaran perkahwinan lebih dari satu itu. Tetapi “orang” mestilah diceraikan dari “agama”.

Pada masa ini banyak juga ahli-ahli ilmu masyarakat barat yang menganjurkan supaya undang-undang barat membenarkan aturan berpoligami sekian katanya.

Kerana Dr. Abdul Ra’of seorang yang beriktiraf ahli agama yang berkelulusan di zaman moden ini – maka orang seperti Nyonya Shirin Fozdar hendaknya menyedari walau bagaimanapun kelulusan hukum Tuhan itu lebih baik daripada pendapat-pendapat orang yang berpandu kepada nafsu.

* * *

Dalam bulan puasa ini, dengan anjuran Tengku Abdul Rahman Putra al-Haj, di seluruh Tanah Melayu diadakan peraduan merebut johan bacaan al-Qur’ān. Langkah mengadakan peraduan ini ada baiknya dan perlu disertai. Hanya sanya janganlah bacaannya sahaja diperhatikan tetapi mustahak diperhatikan kandungannya. Kerana itu kita berharap, Tengku sendiri, mustahak di dalam bulan Ramadan ini mentelaah akan perintah-perintah yang wajib dilaksanakan oleh tiap-tiap orang Islam untuk menegakkan hukum Allah dan beramal dengannya. Kalau masa sebulan itu Tengku mempelajari hukum-hukum Islam *’inshā’ Allāh*, Tengku kelak akan menikmati isinya dan menyedari betapa tanggungjawab seseorang Islam kerana bagi seseorang Islam itu adalah sebaik-baik jalan hidupnya menyeru kepada jalan Allah, berbuat kebajikan dan mengakui bahawa Islam itu sebaik agama dan beramal dengannya. Mudah-mudahan Tengku melapangkan masa sebulan puasa ini mengkaji dan mempelajari hukum-hukum *al-Qur’ān* daripada kitab-kitab yang luas pengertiannya.

* * *

¹ Kesalahan teks. Sepatutnya ‘Mungkin’